

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : Y.B. DR. TAN SENG GIAW [KEPONG]

TARIKH : 13.10.2014

SOALAN :

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan keadaan sains dan kejuruteraan di sekolah menengah dan Universiti di negara ini. Apakah peruntukan dan hasil.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Mata pelajaran Sains ditawarkan di semua sekolah menengah dan semua murid wajib mempelajarinya. Manakala mata pelajaran berasaskan Kejuruteraan telah diperkenalkan di Sekolah Menengah Teknik dan beberapa sekolah menengah lain di peringkat tingkatan 4 dan 5 sebagai mata pelajaran elektif. Mata pelajaran ini bertujuan untuk memberi pendedahan awal kepada murid dalam bidang kejuruteraan seterusnya menanam bakat serta minat murid untuk melanjutkan pelajaran dalam bidang tersebut di peringkat yang lebih tinggi.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sedang berusaha meningkatkan nisbah murid dalam pendidikan Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik (STEM) melalui Dasar 60:40 Sains/Teknikal: Sastera. Strategi STEM akan

dijalankan secara berperingkat mengikut Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025.

Bidang pengajian Sains dan Kejuruteraan turut diberi perhatian pada peringkat institusi pengajian tinggi awam (IPTA). Pada tahun 2013 jumlah enrolmen pelajar IPTA dalam bidang sains adalah sebanyak 80,180 orang pelajar dan daripada jumlah tersebut sebanyak 26,387 (32.9%) pelajar lelaki dan sebanyak 53,793 (67.1%) pelajar perempuan. Mengikut peringkat pengajian pula, pada peringkat Kedoktoran (Ph.D) sebanyak 4,608 orang pelajar, peringkat sarjana (master) adalah sebanyak 11,030 orang pelajar, peringkat Diploma Lulusan Ijazah adalah sebanyak 19 orang pelajar dan peringkat sarjana muda dan kebawah adalah sebanyak 64,523 orang pelajar.

Bagi bidang kejuruteraan pula, jumlah enrolmen pelajar IPTA adalah sebanyak 121,462 orang pelajar. Daripada jumlah tersebut sebanyak 69,047 (56.8%) pelajar lelaki dan 52,415 (43.2%) pelajar perempuan. Mengikut peringkat pengajian pula, pada peringkat Kedoktoran (Ph.D) sebanyak 6,987 orang pelajar, peringkat sarjana (master) adalah sebanyak 12,920 orang pelajar, dan peringkat sarjana muda dan kebawah adalah sebanyak 101,555 orang pelajar.

Pada tahun 2013, pihak IPTA telah berjaya menghasilkan graduan bidang sains sebanyak 17,276 orang pelajar dan daripada jumlah tersebut sebanyak 5,506 orang pelajar lelaki dan 11,770 orang pelajar perempuan. Manakala bagi bidang kejuruteraan, sebanyak 27,332 orang pelajar telah dihasilkan dan daripada jumlah tersebut sebanyak

15,170 orang pelajar lelaki dan sebanyak 12,162 orang pelajar perempuan.

Merujuk kepada Kajian Pengesanan Graduan tahun 2013 yang telah dijalankan oleh pihak Kementerian kepada graduan tempatan, kadar kebolehpasaran graduan pada hari konvoksyen bagi bidang Sains adalah sebanyak 67.9%, manakala bagi bidang teknikal pula adalah sebanyak 74.9%.

Sistem ?